

ANNUAL REPORT



JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SEMBILAN



2022



Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

DITERBITKAN OLEH:

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

Tingkat 5, Seremban City Centre, Jalan Pasar
70200 Seremban
Negeri Sembilan

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pihak penerbit. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

Tingkat 5, Seremban City Centre, Jalan Pasar
70200 Seremban
Negeri Sembilan

Tel: +606-764 9017

Faks: +606-764 9019

ISI KANDUNGAN

	Visi, Misi dan Fungsi Jabatan Alam Sekitar	
	Perutusan Pengarah	
BAB 1: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN		
1.1	Pentadbiran Am Dan Sumber Manusia	
1.1.1	Pengisian Jawatan	
1.2	Kewangan	
1.2.1	Peruntukan Jas Negeri Sembilan	
1.2.2	Kutipan Hasil	
BAB 2: PENGAWASAN ALAM SEKITAR		
2.1	Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)	
2.1.1	Penguatkuasaan Dan Pemantauan EIA	
2.1.2	Kerja Tanah	
2.1.3	Tindakan Perundangan	
2.1.4	Kuari	
2.2	Input Pembangunan	
2.3	Pengawasan Kualiti Air Tanah	
2.4	Pelesenan Dan Pemberitahuan Bertulis	
2.4.1	Kebenaran Bertulis Di Bawah Seksyen 19 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	
2.4.2	Lesen Di Bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	
2.4.3	Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	
2.4.4	Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009	
2.4.5	Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014	
2.4.6	Lesen Pelanggaran	
2.5	Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar	
2.5.1	Program Rakan Alam Sekitar	
2.5.2	Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar	
2.5.3	Sambutan Hari Bumi	
2.5.4	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	
2.5.5	Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia	
2.5.6	Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)	
2.5.7	Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN)	
2.5.8	Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (E-Waste)	

2.5.9	Program Gotong-Royong Denai Sungai Kebangsaan	
BAB 3: PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN		
3.1	Kawalan Premis Yang Ditetapkan (PYDT)	
3.1.1	Kilang Getah Asli Mentah (KG)	
3.1.2	Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS)	
3.1.3	Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual Dan Pembawa Yang Ditetapkan	
3.2	Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)	
3.3	Kawalan Kenderaan Bermotor	
3.3.1	Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel	
3.3.2	Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol	
3.3.3	Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal	
3.3.4	Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor	
3.4	Aduan	
3.4.1	Kategori Aduan Pencemaran	
3.5	Statik Tindakan Perundangan 2022	
3.5.1	Notis Arahan	
3.5.2	Kompaun	
3.5.3	Pendakwaan Dan Tindakan Mahkamah	

SENARAI JADUAL

BAB 1: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN		
Jadual 1.1	Pengisian Perjawatan Di JAS Negeri Sembilan Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2022	
Jadual 1.2	Pengisian Perjawatan Di Cawangan Kuala Pilah Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2022	
Jadual 1.3	Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan Tahun 2022	
Jadual 1.4	Kutipan Hasil Tahun 2022	
BAB 2: PENGAWASAN ALAM SEKITAR		
Jadual 2.1.1	Bilangan Punca Sasaran Pemeriksaan Dan Pencapaian Pemeriksaan Bagi Aktiviti Penguatkuasaan Dan Pemantauan EIA Tahun 2022	
Jadual 2.3.1	Indeks Kualiti Air Tanah	
Jadual 2.3.2	Keputusan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2022	
Jadual 2.4.1	Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2022	
Jadual 2.4.2	Bilangan Pembaharuan Lesen Yang Diterima Mengikut Jenis PYDT Tahun 2022	
Jadual 2.4.3	Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2022	
BAB 3: PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN		
Jadual 3.1.1	Jumlah Lesen PYDTBT Mengikut Jenis Lesen Tahun 2022	
Jadual 3.2.1	Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel Tahun 2022	
Jadual 3.2.2	Pencapaian Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol Tahun 2022	

Jadual 3.2.3	Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal Tahun 2022	
Jadual 3.2.4	Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor Tahun 2022	

SENARAI RAJAH

BAB 1: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN		
Rajah 1.1	Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2022	
BAB 2: PENGAWASAN ALAM SEKITAR		
Rajah 2.1.1	Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti Tahun 2022	
Rajah 2.1.2	Status Keputusan Laporan EIA Yang Diterima Tahun 2022	
Rajah 2.1.3	Status Pematuhan Aktiviti Kerja Tanah Tahun 2022	
Rajah 2.1.4	Tindakan yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kerja Tanah Tahun 2022	
Rajah 2.1.5	Status Pematuhan Aktiviti Kuari Tahun 2022	
Rajah 2.1.6	Tindakan Yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kuari Tahun 2022	
Rajah 2.2.1	Permohonan Yang Diterima Tahun 2022	
Rajah 2.2.2	Jumlah Permohonan Mengikut PBT Tahun 2022	
Rajah 2.3.1	Laporan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2022	
BAB 3: PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN		
Rajah 3.1.1	Jumlah Premis yang Ditetapkan (PYDT) Mengikut Jenis Lesen Tahun 2022	
Rajah 3.1.2	Bilangan Premis dan Bilangan Pemeriksaan ke atas Premis PYBDT Mengikut Suku Tahun 2022	

Rajah 3.1.3	Peratus Pematuhan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Tahun 2022	
Rajah 3.2.1	Perbandingan Jumlah Aduan Yang Diterima Tahun 2022	
Rajah 3.2.2	Bilangan Aduan Mengikut Daerah Tahun 2022	
Rajah 3.2.3	Bilangan Aduan Mengikut Jenis Pencemaran	
Rajah 3.2.4	Bilangan Notis Arahan Yang Dikeluarkan	
Rajah 3.2.5	Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Peraturan Dan Seksyen Kesalahan Tahun 2022	
Rajah 3.2.6	Bilangan Pertuduhan Didaftarkan Mengikut Kesalahan Tahun 2022	

SENARAI GAMBAR

BAB 2: PENGAWASAN ALAM SEKITAR		
Gambar 2.1.1	Kerja-Kerja Pemeriksaan Ke Atas Projek Yang Mempunyai Kelulusan Laporan EIA	
Gambar 2.3.1	Taburan Stesen Kualiti Air Tanah Kebangsaan Di Negeri Sembilan	
Gambar 2.3.2	Kerja-Kerja Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2022	
Gambar 2.5.1	Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar Tahun 2022	
Gambar 2.5.2	Sambutan Hari Bumi Tahun 2022	
Gambar 2.5.3	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2022	
Gambar 2.5.4	Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2022	
Gambar 2.5.5	Logo SLAAS Sesi 2020/2022 Peringkat Negeri Sembilan	
Gambar 2.5.6	Bengkel Online SLASS dan Pemenang-Pemenang Bagi Kategori Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah SLAAS Sesi 2022	
Gambar 2.5.7	Logo Hari Alam Sekitar Negara 2022	
Gambar 2.5.8	Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022	
Gambar 2.5.9	Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (<i>E-Waste</i>) Tahun 2022	
Gambar 2.5.10	Program Gotong Royong Denai Sungai Kebangsaan Tahun 2022	
BAB 3: PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN		
Gambar 3.1.1	Aktiviti-aktiviti Penguatkuasaan Tahun 2022	
Gambar 3.2.1	Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel dan Kawalan <i>Fleet Operator</i> Premis Yang Mengendalikan Kenderaan Berenjin Diesel Tahun 2022	

VISI .MISI DAN FUNGSI



1

VISI

Permuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat



2

MISI

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara



3

FUNGSI

Mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling, selaras dengan maksud Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya.

PERUTUSAN PENGARAH

Bersyukur saya ke hadrat Allah swt kerana di atas limpah kurnianya, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2022 yang merangkumi pencapaian dan pelaksanaan program pada tahun tersebut.


Laporan tahunan ini memberikan gambaran keseluruhan pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh jabatan ini sepanjang tahun 2022. Ianya merupakan usaha yang telah dilaksanakan terhadap tiga (3) fungsi utama JAS iaitu mencegah dan mengawal pencemaran air, pencemaran udara dan pengurusan buangan terjadual. Pemeriksaan ke atas punca-punca pencemaran dalam tindakan undang-undang yang telah diambil ke atas premis yang melakukan kesalahan di bawah AKAS 1974 dan dirangkumkan dalam laporan ini.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan meneruskan pendekatan pemantauan sendiri (*self-regulation*) sebagai pelengkap kepada *Command And Control (CAC)* bagi melengkapkan program pemantauan pematuhan. Pendekatan ini merupakan usaha dalam memastikan pematuhan sepenuhnya ke atas komuniti yang dikawal selia di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya komuniti yang dikawal selia.

Dalam pada itu, JAS Negeri Sembilan terus mempromosikan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta penyebaran maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat sebagai asakan berterusan dalam membangunkan masyarakat mesra alam di negara ini.

Besarliah harapan Jabatan ini agar segenap lapisan masyarakat dapat berganding bahu dan membantu sinergi untuk melindungi alam sekitar dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berteraskan pembangunan lestari. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan komitmen kepada JAS Negeri Sembilan dalam mendukung tanggungjawab memelihara dan memulihara alam sekitar kita untuk kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.



Hamzah Bin Mohamad (P.S.K.)
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

BAB 1: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian Pentadbiran, Perkhidmatan dan Kewangan adalah bahagian khidmat sokongan yang menguruskan perkara berkaitan pentadbiran am, perkhidmatan / sumber manusia dan kewangan.

1.1 PENTADBIRAN AM DAN SUMBER MANUSIA

1.1.1 Pengisian jawatan


Butiran	Senarai Jawatan	Gred	Bil. Jawatan		
			Lulus	Isi	Kosong
1.	Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C54	1	1	-
2.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C48/ C52	1	1	-
3.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C48	2	2	-
4.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	2	2	-
5.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C41	5	5	-
5.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C38	1	1	-
6.	Pelukis Plan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	JA36/ JA36/ C32/C38	1	1	-
7.	Penolong Akauntan	W29/ W32/ W36	1	1	-

8.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	JA29/ JA30/ JA36/ JA38/ C29/ C32/ C38	2	2	-
10.	Penolong pegawai kawalan alam sekitar	C32/ C38	2	2	-
11.	Penolong pegawai kawalan alam sekitar	C29/ C32/ C38	11	11	-
12.	Pelukis pelan (kejuruteraan awam) / penolong jurutera	JA29/ JA30 JA36/ JA38	12	12	-
13.	Penolong Pegawai Tadbir	N32/ N36	1	1	-
14.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29/ FA32/ FA36	1	1	-
15.	Pembantu Khas Pembantu setiausaha pejabat/ setiausaha pejabat	N19/ N22/ N30	1	1	-
16.	Pembantu tadbir (perkeranian/ operasi)	N19/ N22/ N26	5	4	1
17.	Pembantu Akauntan	W19/ W22/ W26	1	1	
18.	Pembantu tadbir (perkeranian/ operasi)	N19/ N22/ N26			
19.	Pembantu operasi	N11/N14/N16	1	1	-
20.	Pemandu kenderaan	H11/ H14/ H16	5	4	1
Jumlah			56	54	2

**Jadual 1.1: Pengisian Perjawatan Di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan
Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2022**

Butiran	Senarai Jawatan	Gred	Bil. Jawatan		
			Lulus	Isi	Kosong
1.	Penolong Pengarah Kawalan Alam Sekitar	C44	1	1	-
2.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32/ C38	1	1	-
3.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C29/ C32/ C38	3	3	-
6.	Pelukis Plan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera	JA29/ JA30/ JA36/JA38	3	3	-
7.	Pemandu Kenderaan	H11/ H14/ H16	1	1	-
Jumlah			9	9	-

**Jadual 1.2: Pengisian Perjawatan Di Cawangan Kuala Pilah Waran Perjawatan
Bil. K 146 Tahun 2022**



Rajah 1.1: Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2022

1.2 KEWANGAN

1.2.1 Peruntukan JAS Negeri Sembilan

Pada tahun 2022, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan adalah seperti di jadual berikut:

Jenis Peruntukan Tahun 2022	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Mengurus	5,058,721.94	5,136,104.52
Pembangunan	168,850.00	168,835.60

Jadual 1.3: Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan Tahun 2022

1.2.2 Kutipan Hasil

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah memungut hasil berjumlah RM 699,537.08 Kutipan hasil penguatkuasaan iaitu bayaran hasil mahkamah, bayaran lesen dan bayaran kompaun. Selain itu kutipan hasil turut diterima dari aktiviti pelupusan harta benda kerajaan.

Bil	Butiran Kutipan	Kod Hasil	Hasil Kutipan 2022 (RM)
1.	Bayaran Lesen Bayaran Hasil Mahkamah Bayaran balik gaji Penerimaan balik bayaran tahun lalu	71408	230,615.08
2.	Pelupusan	73301	11,172.00
3.	Bayaran Kompaun	76199	457,750.00
Jumlah Kutipan Hasil			699,537.08

Jadual 1.4: Kutipan Hasil Tahun 2022

BAB 2: BAHAGIAN PEMBANGUNAN


2.1 PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling atau *Environmental Impact Assessment* (EIA) merupakan satu alat perancangan penting dalam pengurusan Pembangunan alam sekitar. Kajian EIA dapat mengawal dan mengenalpasti potensi impak kepada alam sekitar dan cadangan langkah-langkah kawalan dan tebatan bagi sesuatu projek pembangunan.

Keperluan bagi penyediaan Laporan EIA adalah sebagaimana yang diperuntukkan dibawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi mana-mana aktiviti yang dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kepada Kesan Alam Sekeliling) 2015, laporan EIA hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk kelulusan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Walau bagaimanapun, laporan EIA bukan merupakan kelulusan pelaksanaan sesuatu projek sebaliknya ia merupakan suatu input kepada pihak yang meluluskan seperti pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri. Laporan EIA akan menjadi salah satu dokumen rujukan bagi membolehkan pihak yang meluluskan membuat pertimbangan ke atas sesuatu projek pembangunan.

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak tiga puluh lima (37) laporan EIA seperti ditunjukkan dalam **Rajah 2.1.1.**


BILANGAN LAPORAN EIA YANG DITERIMA



Rajah 2.1.1: Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti Tahun 2022

Daripada tiga puluh tujuh (37) laporan EIA yang diterima, sebanyak sebelas (11) laporan EIA telah diluluskan. Dua puluh empat (24) laporan EIA telah ditolak dan sebanyak dua (2) laporan EIA yang ditarik semula oleh pihak pemaju projek. Pecahan status keputusan laporan EIA yang diterima ditunjukkan dalam **Rajah 2.1.2**

STATUS KEPUTUSAN LAPORAN EIA YANG DITERIMA



Rajah 2.1.2: Status Keputusan Laporan EIA Yang Diterima Tahun 2022

2.1.1 Penguatkuasaan dan Pemantauan EIA

Penguatkuasaan dan pemantauan EIA adalah program tahunan yang dijalankan ke atas projek-projek yang telah mendapatkan kelulusan laporan EIA bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan laporan EIA. Berikut adalah jadual mengikut bilangan keseluruhan dan pencapaian penguatkuasaan serta pemantauan EIA bagi tahun 2022:

Penguatkuasaan dan Pemantauan EIA			
Aktiviti	Jumlah Punca	Sasaran Pemeriksaan	Pencapaian Pemeriksaan
Kerja tanah	24	129	139
Kuari	2	8	8


Jadual 2.1.1: Bilangan Punca Sasaran Pemeriksaan Dan Pencapaian Pemeriksaan Bagi Aktiviti Penguatkuasaan Dan Pemantauan EIA Tahun 2022

2.1.2 Kerja tanah

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan sebanyak seratus tiga puluh sembilan (139) pemeriksaan ke atas aktiviti kerja tanah bagi projek yang mempunyai kelulusan laporan EIA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak seratus dua puluh satu (121) atau 90% pemeriksaan didapati patuh kepada syarat-syarat kelulusan laporan EIA.

Sebanyak empat belas (14) atau (10%) pemeriksaan didapati gagal mematuhi sebahagian syarat-syarat kelulusan laporan EIA dan Notis Arahan telah dikeluarkan untuk tindakan penggerak projek. Pemeriksaan susulan dari semasa ke semasa dijalankan bagi tujuan verifikasi langkah-langkah penambahbaikan seperti arahan yang diberikan oleh pegawai penyiasat.


Bilangan dan peratus pematuhan aktiviti kerja tanah adalah seperti dalam **Rajah 2.1.3** berikut:



Rajah 2.1.3 : Status Pematuhan Aktiviti Kerja Tanah Tahun 2022

2.1.3 Tindakan Perundangan


Sebanyak seratus tiga puluh sembilan (139) *field citation* telah dikeluarkan, empat belas (14) Notis Arahan dan lapan (8) tawaran kompaun dikeluarkan kepada pemaju projek. Lima (5) tindakan mahkamah telah diambil. **Rajah 2.1.4** menunjukkan tindakan yang dikenakan ke atas aktiviti kerja tanah mengikut jenis tindakan.




Rajah 2.1.4: Tindakan yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kerja Tanah Tahun 2022

2.1.4 Kuari

Bagi aktiviti kuari, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan lapan (8) pemeriksaan ke atas lapan (8) premis kuari aktif yang terdapat di Negeri Sembilan. Pemeriksaan dijalankan bagi memastikan premis kuari terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. **Rajah 2.1.5 Kuari** menunjukkan status pematuhan aktiviti kuari.



Rajah 2.1.5: Status Pematuhan Aktiviti Kuari Tahun 2022



Rajah 2.1.6: Tindakan Yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kuari Tahun 2022

Rajah 2.1.6 di atas menunjukkan jenis tindakan yang dikenakan ke atas premis kuari. Sebanyak lapan (8) pemeriksaan premis kuari telah dijalankan pada tahun 2022, sebanyak lapan (8) field citation diberikan, dua (2) Notis Arahan dikeluarkan dan tiada kompaun ditawarkan.




Gambar 2.1.1: Kerja-Kerja Pemeriksaan Ke Atas Projek Yang Mempunyai Kelulusan Laporan EIA

2.2 INPUT PEMBANGUNAN

Dalam usaha untuk melestarikan alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga berperanan untuk memberi input bagi sesuatu cadangan pembangunan. Tujuan input pembangunan ini adalah bagi membantu menilai kesesuaian pembangunan yang dikemukakan dengan pembangunan sedia ada di sekitar cadangan tapak projek dan perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan. Ulasan input pembangunan yang diberikan adalah berdasarkan keperluan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan merujuk kepada *Environmental Essentials for Industrial Siting in Malaysia* (EESIM).

Permohonan input pembangunan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan adalah melibatkan permohonan kebenaran merancang, lesen perniagaan, permit bahan batuan, lesen mengorek pasir sungai dan daratan, lesen melombong, lesen abstraksi air dan lesen barang sekenhend. Kebiasaannya permohonan ini dikemukakan oleh pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, pihak industri dan lain-lain agensi kerajaan. Pada tahun 2022, sejumlah 1,131 permohonan diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan. Pecahan bilangan permohonan yang diterima mengikut jenis dan pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sembilan adalah seperti berikut:



Rajah 2.2.1: Permohonan Yang Diterima Tahun 2022




Rajah 2.2.2: Jumlah Permohonan Mengikut PBT Tahun 2022


2.3 PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Pengawasan kualiti air tanah bertujuan untuk mengesan pencemaran air tanah di kawasan yang berpotensi menyebabkan risiko pencemaran air tanah mengikut kategori guna tanah. Terdapat sebanyak empat (4) buah stesen telaga pemantauan kualiti air tanah di Negeri Sembilan iaitu:

- i. Dua (2) stesen terletak di Sendayan yang berada di dalam kawasan Kualiti Alam Sdn Bhd.
- ii. Satu (1) lagi stesen terletak di dalam kawasan premis Tapak Pelupusan Sampah Cypark, Tanah Merah; dan
- iii. Satu (1) stesen terletak di Senawang yang berada di dalam kawasan Edible Oil Sdn Bhd.



10/26/2023, 3:07:12 PM



0 0.5 1 2 mi
0 1 2 4 km
© OpenStreetMap (and) contributors, CC-BY-SA

Web AppBuilder for ArcGIS
Map data © OpenStreetMap contributors, CC-BY-SA

- S1-MW (7)-N5-1-8.00 Kualiti Alam, Bukit Nenas
- S2-MW (7)-N5-1-7.55 Kualiti Alam, Bukit Nenas
- S3-MW (7)-N4-1-6.44 Senawang Edible Oil
- S4-MW (7)-N210108-2-10.03 TPS Cypark, Tanah Merah


Gambar 2.3.1: Taburan Stesen Kualiti Air Tanah Kebangsaan Di Negeri Sembilan

Setiap tahun, pengawasan kualiti air tanah dijalankan sebanyak empat (4) kali percontohan. Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) digunakan bagi mengukur dan menilai tahap pencemaran air tanah. Bagi menilai tahap kualiti air tanah tersebut terbahagi kepada tiga (3) *standard* Kualiti Air Tanah Kebangsaan iaitu kegunaan air minum (bagi rawatan secara konvensional), kegunaan pertanian dan kegunaan industri. IKAT telah diperolehi berdasarkan kepada tujuh (7) parameter, dan parameter tersebut ialah *Phenol, Iron, Total Dissolved Solid, Sulfate, Nitrate, E-Coli dan pH*.

Ikat	Kategori	Kegunaan Berfaedah
0 – 15	Sangat Tercemar	Kajian diperlukan sebelum kegunaan
16 – 39	Tercemar	Pengairan / Pertanian
40 – 69	Sederhana	Air Mentah / Kegunaan industri
70 – 89	Baik	Berpotensi sebagai air minuman, tertakluk kepada pematuhan semua parameter yang disenaraikan dalam piawaian Kualiti Air Minum di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia
>90	Sangat Baik	Air berkualiti tinggi bagi semua bentuk penggunaan, tertakluk piawaian kualiti air yang ditetapkan untuk setiap bentuk penggunaan

Jadual 2.3.1: Indeks Kualiti Air Tanah

Bilangan percontohan dan frekuensi bagi pengawasan kualiti air tanah yang dijalankan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:



Rajah 2.3.1: Laporan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2022

BIL	LOKASI	ID STATION	TARIK SAMPLING	GWQI	KATEGORI
1	KUALITI ALAM	MW (7)-N5-1-8.00	05.04.2022	95	Excellent
2	KUALITI ALAM	MW (7)-N5-1-8.01	27.06.2022	80	Good
3	KUALITI ALAM	MW (7)-N5-1-8.02	05.10.2022	80	Good
4	KUALITI ALAM	MW (7)-N5-1-8.03	14.12.2022	79	Good
AVERAGE				80	Good
5	KUALITI ALAM	MW (7)-N5-1-7.55	05.04.2022	79	Good
6	KUALITI ALAM	MW (7)-N5-1-7.55	27.06.2022	64	Fair
7	KUALITI ALAM	MW (7)-N5-1-7.55	05.10.2022	76	Good
8	KUALITI ALAM	MW (7)-N5-1-7.55	14.12.2022	49	Fair
AVERAGE				64	Fair
9	SENAWANG	MW(7)-N4-1-6.44	05.04.2022	65	Fair
10	SENAWANG	MW(7)-N4-1-6.44	27.06.2022	65	Fair
11	SENAWANG	MW(7)-N4-1-6.44	05.10.2022	65	Fair
12	SENAWANG	MW(7)-N4-1-6.44	14.12.2022	74	Good
AVERAGE				65	Fair
13	CYPARK TANAH MERAH	MW(7)-N2-1-2-10.03	05.04.2022	69	Fair
14	CYPARK TANAH MERAH	MW(7)-N2-1-2-10.03	27.06.2022	69	Fair
15	CYPARK TANAH MERAH	MW(7)-N2-1-2-10.03	05.10.2022	68	Fair
16	CYPARK TANAH MERAH	MW(7)-N2-1-2-10.03	14.12.2022	71	Good
AVERAGE				69	Fair

Jadual 2.3.2: Keputusan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2022



Gambar 2.3.2: Kerja-kerja Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2022

2.4 PELESENAN DAN PEMBERITAHUAN BERTULIS

2.4.1 Kebenaran Bertulis di Bawah Seksyen 19 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah permohonan yang dikemukakan oleh pemohon untuk membina atau menjalankan kerja yang akan menyebabkan premis menjadi sebuah Premis yang Ditetapkan (PYDT).

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak tujuh belas (17) permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Bil	Jenis Permohonan Kebenaran Bertulis, Seksyen 19	Lulus	Ditolak
1.	Premis Yang Ditetapkan (PYDT) BT	7	2
2.	Premis Yang Ditetapkan (PYDT) KKS	5	1
3.	Premis Yang Ditetapkan (PYDT) KG	5	0

Jadual 2.4.1: Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2022

2.4.2 Lesen Di Bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) hendaklah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Merujuk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, terdapat tiga (3) jenis premis yang dikategorikan sebagai PYDT iaitu:

- i. Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS)
- ii. Kilang Getah Asli Mentah (KG)
- iii. Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual (BT)

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak 82 permohonan pembaharuan lesen di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Bil	Permohonan Pembaharuan Lesen	Bilangan Pembaharuan Lesen
1.	Permohonan Pembaharuan PYDT BT	57
2.	Permohonan Pembaharuan PYDT KKS	15
3.	Permohonan Pembaharuan PYDT KG	10

Jadual 2.4.2: Bilangan Pembaharuan Lesen Yang Diterima Mengikut Jenis PYDT Tahun 2022

2.4.3 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009

Pemberitahuan bertulis merupakan tanggungjawab premis untuk memberitahu Ketua Pengarah sebelum sebarang kerja-kerja pembinaan atau peningkatan sistem pengolahan efluen perindustrian dijalankan.

Pada tahun 2022, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak dua puluh sembilan (29) pemberitahuan bertulis di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Bilangan pemberitahuan bertulis yang diterima dan keputusan permohonan untuk tahun 2022 adalah seperti jadual dibawah:

Bilangan Pemberitahuan Bertulis	Keputusan	
	Diperakukan	Tidak Diperakukan
29	29	0

Jadual 2.4.3: Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2022

2.4.4 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009

Kebenaran bertulis di bawah Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 pula merupakan satu kebenaran yang diberikan kepada loji rawatan kumbahan yang ingin melupuskan enapcemar yang dihasilkan daripada sistem pengolahan kumbahan. Enapcemar ini perlu dilupuskan di tapak pelupusan khas atau di tapak pelupusan sekitar. Sepanjang tahun 2022, sebanyak lapan (8) permohonan telah diterima dan diproses oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

2.4.5 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Premis-premis yang ingin menjalankan kerja-kerja pemasangan baru sistem kawalan pencemaran udara (SKPU) dan juga menaiktaraf SKPU dan alat pembakaran api perlu mengemukakan pemberitahuan bertulis di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Sebanyak lapan puluh tujuh (87) pemberitahuan bertulis bagi pemasangan baru dan menaiktaraf SKPU telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan puluh enam (86) pemberitahuan bertulis telah diperakukan manakala baki satu (1) permohonan tidak diperakukan.

2.4.6 Lesen Pelanggaran

Lesen Pelanggaran merupakan satu lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi membolehkan premis melepaskan efluen atau kumbahan atau pengeluaran pencemaran udara melebihi had atau nilai batas yang ditetapkan. Terdapat dua (2) jenis lesen pelanggaran iaitu:

- i. Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

- ii. Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 22, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Sebanyak tiga (3) permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan dua belas (12) permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 22, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

2.5 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menganjurkan pelbagai program pendidikan dan kesedaran sepanjang tahun 2022 yang melibatkan Rakan Ahli Sekitar, guru-guru, pelajar sekolah dan orang awam serta komuniti.

Objektif pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar:

- i. Mencapai tujuan-tujuan Dasar Alam Sekitar Negara (DASN)
- ii. Mendedahkan kepada masyarakat mengenai usaha-usaha kerajaan bagi memastikan alam sekitar yang bersih
- iii. Membentuk masyarakat yang membudayakan cara hidup serta penggunaan sumber serta pengeluaran yang lestari
- iv. Menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kesedaran alam sekitar kepada setiap golongan sasaran dan Masyarakat
- v. Meningkatkan kesedaran setiap individu tentang sumbangan dan peranan yang boleh diberikan dalam usaha mengawal dan mencegah pencemaran alam sekitar

2.5.1 Program Rakan Alam Sekitar

Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada 4 Jun 2009 telah mempunyai seramai 6760 ahli berdaftar di Negeri Sembilan sehingga Disember 2022. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) melibatkan anggota masyarakat secara 'hands on' iaitu 'mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

Objektif program Rakan Alam Sekitar adalah seperti berikut:

- i. Memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat
- ii. Menanam rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama, dan
- iii. Menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan dan pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan

2.5.2 Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar

Aktiviti ceramah dan pameran alam sekitar yang diberikan kepada para pelajar sekolah dan orang awam bertujuan untuk menanam kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Sepanjang tahun 2022, sebanyak dua puluh lima (25) siri ceramah serta dua puluh empat (24) pameran bertemakan alam sekitar telah dilaksanakan melibatkan beberapa kumpulan sasaran di seluruh Negeri Sembilan.

Ceramah bersifat promosi alam sekitar mengenai pengurusan e-waste, buangan terjadual dan penipisan lapisan ozon telah dijalankan bagi meningkatkan tahap pengurusan alam sekitar selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) dan Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) 1974 terutamanya bagi sektor perindustrian.

Pameran-pameran yang bertemakan alam sekitar turut dianjurkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi, sektor perindustrian, swasta, komuniti dan agensi kerajaan. Pelbagai pengetahuan mengenai bagaimana alam sekitar boleh dipelihara serta meningkatkan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar demi masa depan dan generasi akan datang.



Gambar 2.5.1: Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar Tahun 2022

2.5.3 Sambutan Hari Bumi

Sambutan Hari Bumi diadakan sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Hari Bumi dimulakan oleh John McConnell pada 1969, setiap tahun ketika ekuinoks, iaitu pencerapan global yang diasaskan oleh Gaylord Nelson sebagai pengajar alam sekitar. Sejak Januari 1970, Hari Bumi merupakan program tahunan yang disambut di seluruh dunia pada setiap 22 April pada setiap tahun. Tema Hari Bumi tahun ini adalah *"Invest In Our Planet"*. Sambutan secara global ini menjadi inisiatif yang penting dalam menerapkan lagi kecintaan masyarakat terhadap alam sekitar.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Bumi telah diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Bandar Enstek, Nilai pada 23 Mac 2022 dan pelbagai aktiviti lain juga dijalankan iaitu ceramah pembakaran terbuka dan tanah gambut, pameran bertemakan alam sekitar, pengumpulan e-waste dan penanaman pokok.



Gambar 2.5.2: Sambutan Hari Bumi Tahun 2022

2.5.4 Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Pada 5 Jun setiap tahun, sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia disambut oleh seluruh negara yang menandatangani UNEP bagi menggalakkan kesedaran dan tindakan dalam memastikan alam sekitar terus terpelihara. Tema pada tahun ini adalah “*Only One Earth*”. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2022 telah dilaksanakan secara fizikal dan secara talian. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia ini telah diadakan di Sg. Serting, Jempol, Negeri Sembilan dan turut dihadiri seramai 300 pengunjung yang terdiri daripada institut pengajian tinggi, orang awam dan sektor perindustrian.



Gambar 2.5.3: Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2022

2.5.5 Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia

Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia (*International Day for the Preservation of the Ozone Layer*) disambut pada 16 September pada setiap tahun di seluruh dunia bagi memperingati Protokol Montreal yang telah ditandatangani pada tahun 1987. Tema pada tahun 2022 adalah "*Montreal Protocol@35: Global Cooperation Protecting Life on Earth*". Tema ini menunjukkan sumbangan Protokol Montreal dalam melindungi lapisan ozon dan menangani perubahan iklim serta keperluan kolaborasi dan kerjasama global untuk sama-sama menangani isu alam sekitar dan melindungi semua hidupan di atas bumi untuk kepentingan generasi akan datang.

Sambutan Hari Ozon Tahun 2022 telah diadakan di Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan dan turut dihadiri oleh 200 orang yang menyertai seminar tersebut.



Gambar 2.5.4: Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2022

2.5.6 Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (Slaas)



Gambar 2.5.5: Logo SLAAS Sesi 2020/2022 Peringkat Negeri Sembilan

Fokus utama program ini adalah memupuk budaya kebersamaan serta meningkatkan komunikasi yang lebih berkesan dalam kalangan pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah bagi meningkatkan bilangan penyertaan sekolah dalam SLAAS. Selain itu, SLAAS juga bertujuan memberikan pendedahan mengenai pembentukan persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Objektif program Sekolah Lestari adalah seperti berikut:-

- i. Memupuk nilai murni alam sekitar pada kalangan warga sekolah.
- ii. Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- iii. Meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar.
- iv. Mewujudkan suasana sekolah yang lebih komduusif bagi melahirkan warga sekolah yang mempraktikkan amalan hidup lestari.

Pejabat Pendidikan Daerah serta Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan merupakan antara urusetia penting dalam menjayakan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sesi 2018/2019 Peringkat Negeri Sembilan.

Program SLAAS sesi 2020/2022 telah menarik penyertaan sebanyak dua puluh tujuh (27) buah sekolah yang terdiri daripada empat belas (14) buah sekolah rendah dan dua belas (12) buah sekolah menengah dari seluruh Negeri Sembilan.

Sekolah yang berjaya mendapat tempat pertama, tempat kedua dan ketiga bagi kategori sekolah rendah dan menengah membawa pulang wang tunai, beserta piala dan sijil adalah:

i. Kategori Sekolah Rendah:

Tempat Pertama

Sekolah Kebangsaan (Felda) Lui Muda

Tempat Kedua

Sekolah Kebangsaan (Felda) Lui Selatan

Tempat Ketiga

Sekolah Kebangsaan (Felda) Palong 14

ii. Kategori Sekolah Menengah

Tempat Pertama

Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Ampuan Najihah

Tempat Kedua

Sekolah Menengah Agama Sheikh Haji Mohamad Said

Tempat Ketiga

Sekolah Menengah Undang Rembau

Terdapat dua (2) buah sekolah yang berjaya ke peringkat kebangsaan dan dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) sesi 2020/2022 dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM 2000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu) beserta piala, dan sijil adalah:



iii. Kategori Sekolah Rendah:

Sekolah Kebangsaan (Felda) Lui Muda

iv. Kategori Sekolah Menengah

Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Ampuan Najihah.

Markah penjurian adalah berdasarkan enam (6) komponen iaitu komponen pengurusan, komponen penghijauan, komponen kokurikulum, komponen kurikulum, komponen kejayaan dan pengiktirafan serta komponen elemen khas. Komponen elemen khas untuk penjurian kali ini adalah kamar selesa (tandas). Penjurian peringkat Negeri Sembilan dilakukan pada bulan Jun 2022.



Gambar 2.5.6: Bengkel Online SLASS dan Pemenang-Pemenang Bagi Kategori Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah SLAAS Sesi 2022

2.5.7 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN)



Gambar 2.5.7: Logo Hari Alam Sekitar Negara 2022

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dianjurkan bermula tahun 2016 yang mana ia dijenamakan semula dari sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM). Sambutan ini merupakan salah satu elemen pembaharuan dalam sambutan berkaitan bagi meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar dan dijadikan agenda nasional dengan penglibatan secara menyeluruh agensi kerajaan, swasta serta pihak-pihak berkepentingan melalui kerjasama pintar dan strategik serta Rakan MoU Jabatan Alam Sekitar di seluruh negara.

Objektif Sambutan HASN adalah:

- i. Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas.
- ii. Menyediakan 'platform' kepada warga Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar.
- iii. Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan dan jasa kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- iv. Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Sambutan HASN telah dianjurkan secara serentak di seluruh negara pada 21 Oktober dengan tema 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama'. Sambutan HASN tahun 2022 peringkat Negeri Sembilan telah diadakan di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson, Negeri Sembilan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Majlis perasmian tersebut juga dimeriahkan dengan

penyampaian Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) peringkat Negeri Sembilan yang melibatkan 27 buah sekolah.

Selain itu, program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik peringkat sekolah, komuniti, agensi kerajaan dan sektor industri yang telah dijalankan pada sepanjang tahun di seluruh kawasan di Negeri Sembilan bersempena HASN 2022 dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah terkumpul sebanyak 33,353.95 kg sepanjang program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan semasa sambutan HASN 2022 peringkat Negeri Sembilan, antaranya adalah senamrobik, pertandingan poster digital, pertandingan mewarna, *enviro cycling*, penanaman pokok bakau, *inviro fun walk*, aktiviti kutip sampah dan riadah (kudah), pertandingan teka silang kata dan pameran alam sekitar. Program ini telah dihadiri oleh 500 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat.



Gambar 2.5.8: Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022

2.5.8 Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (*E-WASTE*)

Kempen dan program ini dilaksanakan bermula dengan Inisiatif Belanjawan Tahun 2020 Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Kebangsaan. Kempen dan program yang dilaksanakan pada tahun 2022 ini adalah kesinambungan inisiatif pihak KASA dan Jabatan Alam Sekitar khususnya yang melibatkan penyertaan orang awam iaitu dalam kalangan pelajar sekolah, rakan industri dan komuniti melalui libat urus Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

Kempen dan program pengumpulan yang dijalankan ini atas dasar untuk memberikan pendedahan kepada semua kumpulan sasaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar, khususnya pengurusan buangan peralatan elektrik dan elektronik dari isi rumah. Kempen ini melibatkan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dengan rakan strategik iaitu premis yang dilesenkan Jabatan Alam Sekitar untuk mengumpul dan memproses buangan peralatan elektrik dan elektronik tersebut.



Gambar 2.5.9: Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (*E- Waste*) Tahun 2022

2.5.9 Program Gotong-Royong Denai Sungai Kebangsaan

Program denai sungai di Negeri Sembilan adalah selaras dengan usaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang telah menyasarkan untuk membina 10,000 kilometer denai di tepi sungai sebagai kawasan rekreasi dan taman awam menjelang 2030. Program ini dapat mencegah masalah pencemaran sisa di sungai serta dapat mengelakkan aktiviti pembuangan haram ke dalam sungai. Di bawah program Denai Kebangsaan, KASA melalui Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan swasta telah mengenal pasti kawasan-kawasan rizab sungai untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi melalui pembinaan denai dan aktiviti pengindahan sungai seperti Sungai Serting. Program ini adalah berbentuk '*community based*' dan '*hands-on*' bagi meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan sungai serta meningkatkan kelestarian alam sekitar.



**Gambar 2.5.10: Program Gotong Royong Denai Sungai Kebangsaan
Tahun 2022**

BAB 3: BAHAGIAN OPERASI

3.1 Kawalan Premis Yang Ditetapkan (PYDT)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan penguatkuasaan terhadap premis dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Terdapat tiga (3) premis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan iaitu:

- i. Premis yang ditetapkan - Kilang Getah Asli Mentah
- ii. Premis yang ditetapkan - Kilang Kelapa Sawit Mentah
- iii. Premis yang ditetapkan - Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual

3.1.1 Kilang Getah Asli Mentah (KG)

Bagi Kilang Getah Asli Mentah (KG), sebanyak sepuluh (10) buah kilang getah telah dilesenkan tahun 2022. Sebanyak satu (1) buah kilang getah yang dilesenkan ini melepaskan efluen terolah melalui kaedah pelepasan ke alur air dan sebuah (1) kilang getah melepaskan efluen terolah ke atas tanah. Manakala terdapat sebanyak lapan (8) kilang getah mengamalkan kitar semula efluen.

3.1.2 Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS)

Pada tahun 2022, sebanyak enam belas (16) buah kilang kelapa sawit telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

Sebanyak sembilan (9) buah kilang kelapa sawit yang dilesenkan melepaskan efluen terolah ke dalam alur air, tujuh (7) buah kilang kelapa sawit melepaskan efluen terolah ke atas tanah dan sebuah (1) kilang kelapa sawit menggunakan kedua-dua kaedah iaitu pelepasan efluen terolah ke alur air dan atas tanah. Manakala satu (1) buah kilang kelapa sawit telah diluluskan untuk menggunakan kaedah kompos dan pelepasan efluen ke atas tanah.

3.1.3 Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual dan Pembawa Yang Ditetapkan.

Kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual merupakan premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memproses, merawat dan melupuskan buangan terjadual yang dihasilkan oleh pengeluar buangan. Terdapat enam (6) jenis yang dikategorikan sebagai Premis Yang Ditetapkan iaitu:


- i. Kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual
- ii. Kemudahan pengolahan luar tapak buangan terjadual
- iii. Kemudahan pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual
- iv. Penunu buangan terjadual
- v. Kemudahan pengolahan di tanah buangan terjadual
- vi. Tapak pelupusan selamat buangan terjadual, pembawa yang ditetapkan pula adalah merujuk kepada mana-mana kenderaan atau kapal yang digunakan bagi tujuan pergerakan, pemindahan atau pengangkutan buangan terjadual.

Pada tahun 2022, sejumlah dua puluh enam (26) premis telah dilesenkan di bawah Seksyen 18(1) dan (1A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan bilangan jenis lesen dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Lesen	Spesifik Lesen	Jumlah
1	Kemudahan Penstoran Luar Tapak	Kemudahan Penstoran Luar Tapak	1
2	Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak	Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak (Bukan <i>e-waste</i>)	18
		Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak (<i>e-waste</i>)	1
		Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (<i>e-waste</i>)	6
3	Kemudahan Pengolahan Luar Tapak	Kemudahan Pengolahan Luar Tapak (pensterilan dengan menggunakan ozon)	1
		Kemudahan Pengolahan Luar Tapak Gelombang Mikro (CWTC)	1
		Kemudahan Loji Fizikal Dan Kimia (PCT)	1
		Kemudahan Loji Solidifikasi	1
4	Penunu BT (<i>Incinerator</i>)	Penunu BT (<i>Incinerator</i> 1)	1
		Penunu Buangan Terjadual <i>Schedule Waste To Energy (SWTE)</i>	1
5	Tapak Pelupusan Selamat	Tapak Pelupusan Selamat	1
6	Pembawa Yang Ditetapkan	Pembawa Yang Ditetapkan	24
Jumlah Keseluruhan			57

Jadual 3.1.1 Jumlah Lesen PYDT BT Mengikut Jenis Lesen Tahun 2022

JUMLAH PREMIS PYDT YANG DILESENKAN



**Rajah 3.1.1: Jumlah Premis Yang Ditetapkan (PYDT)
Mengikut Jenis Lesen Tahun 2022**


3.2 Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)

Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) adalah merujuk kepada premis selain dari yang dilesenkan oleh JAS di bawah Seksyen 18, Akta 127 iaitu selain daripada kilang getah asli mentah, kilang kelapa sawit mentah dan kilang/kemudahan yang menjalankan proses pemerolehan kembali, pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga telah menjalankan penguatkuasaan ke atas Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) sepanjang tahun 2022. Penguatkuasaan ini bagi premis yang menjalankan aktiviti melibatkan industri pembuatan, hotel, loji kumbahan dan bengkel di kawasan Negeri Sembilan Utara (Kawasan Nilai, Sendayan dan Enstek), Negeri Sembilan Barat (Daerah Seremban, Port Dickson dan Rembau) dan Negeri Sembilan Timur (Daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Tampin).


Siasatan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak 987 pemeriksaan melibatkan pelbagai jenis industri bagi mematuhi peraturan-peraturan berikut:

- i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
- ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005
- iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014
- iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, tindakan susulan telah diambil terhadap premis seperti dengan mengeluarkan *field citation*, notis arahan dan juga tindakan kompaun.



**Rajah 3.1.2: Bilangan Premis dan Bilangan Pemeriksaan ke atas Premis
PYBDT Mengikut Suku Tahun 2022**



Rajah 3.1.3: Peratus Pematuhan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Tahun 2022



Gambar 3.1.1: Aktiviti- Aktiviti Penguatkuasaan Tahun 2022

3.3 KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

3.3.1 Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan melalui Unit Kenderaan Bermotor & Kontingensi telah menjalankan Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 yang mana tahap pelepasan yang perlu dipatuhi adalah tidak melebihi 50 HSU%. Jadual di bawah menunjukkan bilangan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022:

Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel	Pencapaian 2022
Ops Statik	
Bilangan operasi	32
Bilangan kenderaan diperiksa (visual & ditahan untuk ujian meter)	706
Bilangan kenderaan diuji (ujian meter)	155
Bilangan kenderaan dikompaun	20
Bilangan kenderaan patuh	686
Bilangan kenderaan diarah diuji semula	62
Bilangan kenderaan dikenakan perintah larangan	0
Ops Catat dan Kamera Video	
Bilangan operasi	203
Bilangan kenderaan dicatat	36
Bilangan kenderaan diarah hadir untuk ujian pelepasan asap	29
Bilangan kehadiran pemeriksaan uji semula di PUSPAKOM	29

Jadual 3.2.1: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel Tahun 2022

3.3.2 Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol

Program kawalan pelepasan karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) dijalankan bagi kenderaan yang menggunakan bahan api petrol bagi menguji tahap pelepasan dua (2) jenis gas iaitu Karbon Monoksida (CO) dan Hidrokarbon (HC). Tahap pelepasan yang dibenarkan adalah seperti di bawah Peraturan 10, Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol	Pencapaian 2022
Bilangan operasi	2
Bilangan kenderaan diuji (ujian meter)	2
Bilangan kenderaan dikompaun	0
Bilangan kenderaan patuh	2
Bilangan kenderaan diarah diuji semula	0
Bilangan pemeriksaan uji semula oleh JAS	2

Jadual 3.2.2 : Pencapaian Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol Tahun 2022

3.3.3 Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal

Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal adalah seperti di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Jadual di bawah menunjukkan bilangan program kawalan pelepasan bunyi bising dari motosikal yang telah dilaksanakan pada tahun 2022.

Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal	Pencapaian 2022
Bilangan operasi	2
Bilangan motosikal diperiksa (saringan awal & ditahan untuk ujian meter)	130
Bilangan motosikal diuji (ujian meter)	25
Bilangan motosikal dikompaun	0
Bilangan motosikal patuh	105
Bilangan motosikal diarah diuji semula	6
Bilangan pemeriksaan uji semula oleh JAS	6

**Jadual 3.2.3: Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal
Tahun 2022**

3.3.4 Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor

Unit Kenderaan Bermotor & Kontingensi juga menjalankan lain-lain program kawalan kenderaan bermotor seperti pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL), pemeriksaan pengendali berkumpulan (*fleet operator*), penguatkuasaan pengurusan refrigeran dan penguatkuasaan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996.


Program pengujian refrigeran kenderaan telah dijalankan di bengkel-bengkel servis pendingin udara kenderaan dan juga terhadap kenderaan orang awam.

Program Pengendali Berkumpulan merupakan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat pengendali berkumpulan yang mengendalikan kenderaan berenjin diesel yang melebihi sepuluh (10) buah. Lawatan terhadap pengendali berkumpulan dilakukan bagi memastikan kenderaan-kenderaan yang dikendalikan melakukan pemeriksaan asap secara berkala di Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) oleh Jabatan Alam Sekitar supaya mematuhi standard pelepasan asap yang telah ditetapkan.

Pencapaian 2022 bagi lain-lain program kawalan kenderaan bermotor adalah seperti dalam Jadual berikut.

Lain-lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor	Pencapaian 2022
Pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)	4
Program Pemeriksaan <i>Fleet Operator</i>	19
Penguatkuasaan Pengurusan Refrigeran	0
Penguatkuasaan Per.16	12
Program Khas	1

Jadual 3.2.4: Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor Tahun 2022



Gambar 3.2.1: Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel dan Kawalan *Fleet Operator* Premis Yang Mengendalikan Kenderaan Berenjin Diesel Tahun 2022


3.4 ADUAN

Unit Aduan, Kontingensi & Pembakaran Terbuka telah menerima aduan daripada pelbagai pihak sama ada orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau daripada agensi kerajaan. Siasatan bagi kes aduan pembakaran terbuka adalah mengikut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003.

Antara lokasi yang sering dikesan melakukan pembakaran terbuka adalah di ladang getah, hutan, belukar, tapak kutipan sisa pepejal, ladang kelapa sawit, tapak pembinaan, ladang getah dan lain-lain. Pengesanan pembakaran terbuka di kawasan tersebut akan dikesan dan dicerap melalui satelit yang dipantau dan dilaporkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)*.


3.4.1 Kategori Aduan Pencemaran

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima sebanyak tujuh ratus enam puluh empat (764) aduan pada tahun 2022 manakala tiga ratus enam puluh tujuh (367) aduan sahaja pada tahun 2021.




Rajah 3.2.1: Perbandingan Jumlah Aduan Yang Diterima Tahun 2022

Bilangan aduan terendah iaitu lima (5) aduan sahaja. Bilangan aduan bagi daerah Jempol, Tampin, Jelevu, Kuala Pilah dan Port Dickson adalah seperti berikut:



Rajah 3.2.2: Bilangan Aduan Mengikut Daerah Tahun 2022

Kebanyakan aduan yang diterima adalah aduan tentang pencemaran udara sebanyak dua ratus enam puluh sembilan (269) aduan seterusnya diikuti dengan aduan pencemaran air iaitu sebanyak empat puluh tiga (43) aduan, pencemaran lain-lain, pencemaran bunyi, tumpahan minyak, pencemaran tanah, buangan terjadual dan gegaran.




Rajah 3.2.3: Bilangan Aduan Mengikut Jenis Pencemaran

3.5 STATIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN 2022

3.5.1 Notis Arahan

Pada tahun 2022, jabatan telah mengeluarkan sebanyak dua ratus lima belas (215) Notis Arahan kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya supaya premis mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera.




Rajah 3.2.4: Bilangan Notis Arahan Yang Dikeluarkan

Kebanyakan Notis Arahan dikeluarkan kepada Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) iaitu sebanyak seratus dua puluh tujuh (127) notis, empat puluh tiga (43) notis kepada kenderaan bermotor, dua puluh lapan (28) notis kepada Premis Yang Ditetapkan (PYDT) dan tujuh belas (17) kepada lain-lain.

3.5.2 Kompaun


Susulan dari siasatan penguatkuasaan termasuk OPS Gempur yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Jabatan telah mengeluarkan tawaran kompaun kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Sepanjang tahun 2022, sejumlah 491 kompaun telah dikeluarkan dan jumlah kutipan kompaun adalah sebanyak RM 483,750.



Rajah 3.2.5: Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Peraturan Dan Seksyen Kesalahan Tahun 2022

3.5.3 Pendakwaan dan Tindakan Mahkamah

Sepanjang tahun 2022, sebanyak tiga puluh enam (36) kertas siasatan telah dibuka bagi tindakan mahkamah. Sebanyak sembilan belas (19) yang telah dipertuduhkan dimahkamah telah selesai dan dikenakan hukuman denda di mahkamah. Jumlah keseluruhan hukuman denda yang dikenakan adalah sebanyak RM 447,000.00.



Rajah 3.2.6: Bilangan Pertuduhan Didaftarkan Mengikut Kesalahan Tahun 2022

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN



2022

